

CADANGAN PUSAT PENJAGAAN WARGA TUA SERI DAMAI

ETR 300

DISEDIAKAN UNTUK:

EN. ABDUL HAMEED BIN MD MYDIN


PENSYARAH ETR 300

ITM MELAKA

DISEDIAKAN OLEH:

AZURA BT. ABAS	94515147
ERLY YUSNITA BT. NASARUDDIN	94511008
HASLINDA BT. JAAFAR	94561033
SHAROL SUZANE B. DASUKI	94546180
MOHD MOKHAIZAL B. MOHD MOKHTAR	94638774

30 OKTOBER 1996



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 6hb. Ogos 1996
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma, Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Azura Abas	94515147
2.	Haslinda Jaafar	94561033
3.	Erlly Yusnita Nasaruddin	94511008
4.	Sharol Suzane Dasuki	94546180
5.	Mohd Mokhaizal Mohd Mokhtar	94638774

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

JASMINE AHMAD
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Pengetua

EXCEL GROUP
Kumpulan Projek ETR 300
Diploma Pentadbiran Awam
ITM Melaka
78000 Alor Gajah
Melaka

30 Oktober 1996

En. Abdul Hameed B. Md. Mydin
Pensyarah Asas Keusahawanan
ITM Melaka
78000 Alor Gajah
Melaka

Tuan

PENYERAHAN LAPORAN CADANGAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Merujuk kepada perkara di atas kami dengan sukacitanya menyerahkan satu projek Cadangan Rancangan Perniagaan untuk mengusahakan satu perkhidmatan yang bertajuk Pusat Penjagaan Warga Tua Sri Damai di Taman Tuanku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan kepada pihak tuan.

Tujuan laporan Cadangan Rancangan Perniagaan ini dibuat adalah untuk memenuhi keperluan mata pelajaran ETR 300 yang menjadi salah satu dari mata pelajaran teras yang wajib diambil pada semester ini.

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak tuan di atas dorongan dan tunjuk ajar dalam usaha menyiapkan tugas ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Azura Binti Abas
A 1792158

1. PENGENALAN

Dewasa ini, seringkali kedengaran kisah-kisah yang menyayat hati dan memilukan menimpa keatas warga-warga tua di negara kita. Mereka sering ditinggalkan bersendirian dan kesunyian, bukan sahaja bagi mereka yang tidak mempunyai ahli keluarga tetapi ia terjadi juga kepada mereka yang berkeluarga. Punca yang paling ketara yang dapat dilihat secara nyata pada masa kini adalah kerana kesibukan ahli keluarga ataupun anak-anak terutamanya terhadap karier masing-masing. Ini menyebabkan kurangnya masa dapat diluangkan bersama mereka. Pastinya, warga tua ini akan rasa tersisih dan berkecil hati kerana warga tua amat menginginkan mereka agar sentiasa diberi perhatian. Walaupun pada hakikatnya ahli keluarga atau anak-anaknya tidak bermaksud begitu.

Di dorong atas kepekaan kami terhadap fenomena yang terjadi ini, maka kumpulan kami yang digelar "EXCEL GROUP" telah menyumbangkan idea-idea dan tenaga untuk menjayakan sebuah Cadangan Rancangan Perniagaan. iaitu Pusat Penjagaan Warga Tua Seri Damai Enterprise. Harapan kami adalah agar mampu menawarkan perkhidmatan penjagaan termasuklah rawatan dan pemulihan kepada warga tua yang merasakan dirinya bersendirian dan memerlukan teman disamping penjagaan yang sempurna.

Seterusnya, kami juga menyediakan perkhidmatan penjagaan sementara iaitu perkhidmatan yang membenarkan sesebuah keluarga itu meninggalkan orang tuanya di bawah penjagaan kami untuk sementara waktu samada kerana urusan kecemasan ataupun kerana urusan tertentu yang tidak mengizinkan mereka menjaganya.

Perkhidmatan kami juga tertumpu kepada warga tua yang secara sukarela ingin mendapatkan perkhidmatan yang kami tawarkan. Ini adalah bagi mereka yang tidak mahu menyusahkan anak-anak ataupun dalam keseorangan tanpa suami atau isteri ataupun zuriat. Melalui perkhidmatan yang kami tawarkan maka dapatlah warga tua ini memiliki teman seusia untuk mengatasi kesunyiannya, berhibur dan berbakti pada masyarakat selagi yang terdaya.

Disamping itu, kami dapat menyumbang tenaga dalam memenuhi impian kerajaan untuk mewujudkan 'Masyarakat Penyayang dan Berbudaya'. Cadangan Rancangan Perniagaan ini merupakan satu cara kami berbakti kepada masyarakat disamping menjalankan kegiatan ekonomi yang dibenarkan. Justeru itu kami berharap agar segala aktiviti yang kami jalankan mendapat sokongan ramai dan menjadi ikutan atau pencetus kepada usahawan lain yang berinovatif untuk turut bergiat dalam bidang ini.

2. CADANGAN SURAT IKATAN PERJANJIAN AHLI-AHLI PERKONGSIAN

Surat ikatan perjanjian ini akan dibuat pada..... di hadapan En. Ahmad Tajuddiin Ali peguam dari sebuah firma guaman bertauliah dan dihadiri oleh semua ahli-ahli perkongsian yang namanya tertera dibawah Surat Ikatan Perjanjian untuk menjalankan Perkhidmatan Penjagaan Warga Tua.

Ahli-ahli perkongsian terdiri daripada:

1. Azura Binti Abas	A 1792158
2. Erly Yusnita Binti Nasaruddin	761126-14-5210
3. Sharol Suzane Bin Dasuki	751211-01-5737
4. Haslinda Binti Jaafar	760727-05-5486
5. Mohd Mokhaizal Bin Mohd Mokhtar	760321-08-5327

Maka disaksikan bahawa nama-nama diatas akan bersatu menjadi ahli-ahli perkongsian mengikut peraturan dan syarat-syarat yang terkandung di bawah:

1. Tarikh Berkuatkuasa

Perkongsian ini akan mula berkuatkuasa pada sehingga ditamatkan sebagaimana yang dipersetujui.

2. Nama Firma

Nama firma ini ialah Pusat Penjagaan Warga Tua Seri Damai Enterprise.

3. Tarikh Perniagaan Mula Beroperasi

Perniagaan ini akan mula beroperasi pada

4. Lokasi Perniagaan

Perniagaan ini akan dijalankan di Taman Tuanku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan atau tempat-tempat lain yang dipersetujui oleh ahli-ahli perkongsian dari semasa kesemasa.